

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Kedua

Sidang 1986/87

RPW 521 - Perancangan Pengangkutan

Tarikh: 11 April 1987

Masa: 9.00 pagi - 12.00 tgh.
(3 jam)

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi EMPAT muka surat yang tercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Jawab EMPAT soalan. Anda dikehendaki menjawab Satu soalan dari tiap-tiap Bahagian A, B, C & D.

BAHAGIAN A (Jawab SATU soalan)

Pengangkutan Berkomputer

1. Majlis Perbandaran Pulau Pinang 'MPPP' menghadapi beberapa kesulitan untuk merancang, mengawal dan menyelaras sistem lalulintas di persimpangan-persimpangan dan juga menghadapi masalah mengadakan perkhidmatan bas di Georgetown. Ekoran dari mesyuarat ahli-ahli majlis, satu persetujuan telah dicapai iaitu mengadakan sistem pengangkutan berkomputer.

Anda telah dinasihati untuk memberi cadangan ringkas kepada Yang DiPertua 'MPPP' bagaimanakah sistem pengangkutan dikomputerkan.

Buat permulaan, anda hanya dikehendaki memilih sama ada 'Lampu Isyarat' atau 'Operasi Pengangkutan Awam'.

(25 markah)

2. (a) Huraikan dengan ringkas penggunaan sistem komputer (pemprosesan data, rekabentuk sistem, pemrograman dan komputer teknologi) dalam perancangan pengangkutan bagi meningkat dan mempercepatkan penyediaan serta pelaksanaan pelan-pelan pengangkutan.
- (b) Bagaimanakah pengkalan data 'dBase' diwujudkan bagi memproses data-data yang berkaitan dengan:-

SAMA ADA

- (i) Meletak kereta

ATAU

- (ii) Asalan-Destinas (O/D)

(25 markah)

BAHAGIAN B (Jawab SATU soalan)

Jalan dan Lalulintas

3. Beberapa batang lebuh raya telah dicadangkan untuk pembinaan bagi memenuhi objektif-objektif sosial, ekonomi dan politik. Disamping itu saranan juga dibuat untuk menswastakannya.

Bincangkan.

(25 markah)

4. Cadangan mengadakan sistem lalulintas berintegrasi di Pusat Kuala Lumpur atau George Town adalah bertujuan antara lain mengurangkan penggunaan kenderaan persendirian dan menggalakkan penggunaan sistem pengangkutan awam.

Tujuan dan maksud tersebut sukar dicapai sekiranya:-

- (a) Kebolehkemasukan 'accessibility' dan piawaian persekitaran tidak dirancang.
- (b) Rangkaian pejalan kaki tidak di intergrasikan dengan laluan bas, perhentian bas, teksi dan kawasan membeli-belah.
- (c) Jarak laluan dan masa perjalanan pengangkutan awam tidak dirancang dengan sempurna.
- (d) Teknik-teknik pengurusan lalulintas yang bersesuaian tidak dipertingkatkan.

Bincangkan.

(25 markah)

BAHAGIAN C (Jawab SATU soalan)

Struktur Bandar

- 5. (a) Apakah yang dimaksudkan dengan Struktur Bandar?
- (b) Berdasarkan beberapa konsep dan contoh, tunjukkan bagaimana sistem pengangkutan (jalan, awam, pejalan kaki) dirancang dan diintegrasikan dengan struktur bandar.

(25 markah)

- 6. Apakah contoh bandar-bandar seperti Shah Alam (Selangor), Bayan Baru (Pulau Pinang), Atabara (Pahang) dan beberapa kawasan perumahan di pinggir bandar-bandar sedia ada dan yang berteraskan jalan raya serta penggunaan kenderaan persendirian, sesuai untuk dikekalkan sebagai garis panduan untuk perancangan pengangkutan?

(25 markah)

BAHAGIAN D (Jawab SATU soalan)

Pengangkutan Awam

7. (a) Apakah yang difahamkan dengan pengangkutan awam darat dan rel?
- (b) Cadangan mengadakan Aerobus, Sistem Transit Laju Ringan dan yang terakhir sekali ialah Metrolink di Kuala Lumpur, antara lain bertujuan untuk memenuhi perjalanan bandar yang mana ciri-cirinya berbeza jika di bandingkan dengan keadaan di zaman tahun 1960'an dan 1970'an.

Bincangkan.

(25 markah)

8. Masalah pengangkutan awam khususnya di bandar-bandar Malaysia didapati meningkat. Perancangan, pengawalan dan pengawasan sistem pengangkutan awam juga tidak dapat dilaksanakan untuk memberi perkhidmatan yang berkesan dan selesa. Isu-isu ini dipercayai wujud ekoran dari:-

- (a) Kelemahan struktur organisasi (perancangan dan perlesenan) di peringkat persekutuan, negeri dan tempatan.
- (b) Kelemahan Ordinan Lalulintas 1958, Draf Ordinan Lalulintas 1986 dan sistem perancangan.

Bincangkan.

(25 markah)